



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENGUNAAN JADUAL KETIGA DI DALAM JADUAL G PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PERLESENAN) PINDAAN 2015 BAGI PERMOHONAN PEMBIAYAAN JENIS 2, JENIS 3 DAN JENIS 6**

**Berkuatkuasa 17 Disember 2020**, semua permohonan pembiayaan Jenis 2 (Pembinaan rumah di atas tanah sendiri), Jenis 3 (Pembelian rumah kediaman yang sedang dibina) khususnya oleh kontraktor dan Jenis 6 (Pembinaan rumah kediaman di atas tanah yang dibiayai melalui kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam) perlu menggunakan Jadual Ketiga di dalam Jadual G Peraturan-Peraturan Pemaajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) Pindaan 2015 di dalam dokumen Kontrak Pembinaan atau Perjanjian Jual Beli semasa mengemukakan permohonan kepada LPPSA.

Dokumen tersebut perlu dikemukakan bersama-sama dokumen sokongan yang lain mengikut jenis pembiayaan. Jadual Ketiga ini juga digunakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi tujuan penilaian hartanah berkenaan. Kegagalan menggunakan Jadual Ketiga tersebut bagi jenis pembiayaan yang dinyatakan di atas akan menyebabkan permohonan tersebut dikuiiri oleh LPPSA.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

**15 Disember 2020**